



KEMENTERIAN HAL EHWAL EKONOMI

## SIARAN MEDIA

### **SESI LIBAT URUS BERSAMA KERAJAAN NEGERI SELANGOR BAGI PENYEDIAAN RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS**

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) telah mengadakan sesi libat urus penyediaan Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMKe-12) bersama Kerajaan Negeri Selangor yang dipengerusikan bersama oleh YAB Tuan Amirudin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor dan YB Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, Menteri Hal Ehwal Ekonomi. Sesi libat urus dengan Kerajaan-kerajaan Negeri telah dimulakan sejak 5 Julai 2019 lalu dan Selangor merupakan negeri kelapan dalam siri jelajah ini.

Sesi libat urus ini merupakan antara yang terpenting memandangkan Selangor merupakan penyumbang terbesar kepada KDNK nasional dengan nilai sebanyak RM322.6 bilion atau 23.7% daripada KDNK nasional pada tahun 2018. Kerajaan Negeri Selangor turut mencipta sejarah apabila berjaya menarik pelaburan bernilai RM18.95 bilion bagi tahun 2018 – tertinggi sejak 30 tahun yang lalu.

Justeru Selangor mempunyai peranan utama dalam menjana pertumbuhan ekonomi negara. Negeri Selangor juga mempunyai peranan strategik dalam lompatan kuantum ekonomi ke dalam ekonomi digital dan industri bernilai tinggi. Oleh itu, keperluan pembangunan Negeri Selangor sebagai "*frontier of the economy*" perlu dicerakinkan bersama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam penyediaan RMKe-12.

Selari dengan Wawasan Kemakmuran Bersama yang mendasari RMKe-12, perbincangan dengan Kerajaan Negeri Selangor hari ini memberi penekanan kepada pembangunan sektor berimpak tinggi seperti sektor ekonomi digital, pembekalan dan perkhidmatan teknologi tinggi, aeroangkasa, automotif serta pertanian pintar untuk memastikan hala tuju pembangunan negara sejajar dengan keperluan negeri.

MEA akan terus mendukung usaha Kerajaan Negeri Selangor dalam mencambahkan idea-idea baru yang dapat mencipta nilai tambah kepada ekonomi negara dan meningkatkan kemakmuran rakyat Selangor. Penglibatan secara langsung daripada semua pihak yang berkepentingan akan memastikan strategi pembangunan negara yang dirancang lebih tersasar serta memenuhi objektif dan matlamat Kemakmuran Bersama.

Turut hadir di sesi libat urus ini ialah Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor, YB Dato' Mohd Amin Ahmad Ahya, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan YBhg. Dato' Saiful Anuar Lebai Hussien, Ketua Setiausaha MEA serta ketua-ketua jabatan dan agensi di bawah Kerajaan Negeri dan Jabatan Persekutuan di Selangor.

**Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Hal Ehwal Ekonomi**

**9 Ogos 2019**